



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROSEDUR/PROSES PEMBAHARUAN PERMIT PEKERJA DOMESTIK ASING (PDA)

1. Kementerian Sumber Manusia ingin memaklumkan bahawa pengajian pekerja asing sebagai pembantu rumah asing (PRA) terbahagi kepada dua (2) iaitu:
 - i. Negara Sumber Indonesia:

Mana-mana majikan yang mahu menggajikan PDA Indonesia wajib menggunakan Agensi Pekerjaan Swasta (APS) dan juga melalui Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI). Ini kerana wujudnya Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Indonesia. Proses bagi PDA Indonesia akan melibatkan 3 pihak iaitu Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung (JTKS), pihak Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
 - ii. Negara-Negara Sumber Lain:

Boleh dilakukan sama ada melalui APS atau majikan sendiri yang menguruskan permohonan.
2. Bagi proses permohonan PDA Indonesia yang baharu perlu melalui Sistem Maid Online (SMO) dan SIPERMIT milik KBRI. Kos pengambilan maksimum adalah **RM15,000.00**.
3. PDA dari Negara-Negara Sumber Lain yang melibatkan kos pembayaran adalah tertakluk kepada tawaran APS dan persetujuan bakal majikan.

4. Sementara bagi proses pembaharuan permit yang melibatkan JIM sepenuhnya adalah:
 - i. Negara Sumber Indonesia:

Tidak memerlukan pengesahan daripada pihak JTKS **KEQUALI** jika pasport PDA masih sah. Majikan boleh terus membuat pembaharuan permit kerja di JIM tanpa melalui khidmat APS. Jika pasport PDA telah tamat tempoh, proses yang perlu dilakukan oleh majikan adalah sama seperti proses permohonan baharu di mana majikan perlu menggunakan khidmat APS untuk berurusan di Kedutaan Indonesia. Perkara ini termaktub di dalam MoU antara Malaysia dan Indonesia. Walau bagaimanapun, kadar bayaran bagi pembaharuan ini tidak ditetapkan di dalam MoU; dan
 - ii. Negara-Negara Sumber Lain:

Tidak melibatkan JTKS dan majikan terus kemukakan permohonan pembaharuan kepada JIM. Kadar bayaran adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak antara majikan dan APS (jika majikan menggunakan khidmat APS).
5. Setiap agensi pekerjaan swasta yang menjalankan aktiviti pengurusan PDA perlu mempunyai lesen sah yang dikeluarkan oleh JTKS. Di bawah **Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981**, APS boleh mengenakan fi penempatan tidak melebihi sebulan gaji pekerja sekiranya caj tersebut dikenakan kepada pekerja.
6. Sebarang bentuk bayaran lain adalah bergantung kepada apa yang termaktub dalam kontrak yang dipersetujui antara APS dan majikan. Sekiranya terdapat pertikaian di pihak APS dan majikan, aduan boleh dibuat kepada Tribunal Pengguna atau melalui mahkamah sivil.
7. Secara umumnya, isu bayaran mahal yang dikemukakan oleh **majikan yang memohon khidmat pembantu rumah perlu dilihat** dari sudut kontrak yang dipersetujui oleh APS dan majikan dan juga dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia.

8. Untuk makluman, isu pembaharuan permit kerja PDA Indonesia akan dibincangkan dalam **Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama (*Joint Working Group Meeting*) Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia Mengenai Penggajian dan Perlindungan Pekerja Domestik Indonesia** dalam tempoh masa terdekat ini.

9. Sebarang pertanyaan lanjut/aduan atau untuk khidmat nasihat, boleh hadir ke pejabat tenaga kerja berhampiran atau hubungi kami sama ada melalui emel rasmi iaitu **jtksm@mohr.gov.my** atau di talian **03-8886 5291 / 2450 / 2451 / 2352**.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
10 NOVEMBER 2023**